



ANTARA penyelam skuba yang menyahut misi mencari kuda laut pigmi di Resort Seaventures Pulau Mabul, baru-baru ini.

Bagi Douglas Yeap dan Dr. G.C George, pencarian spesies kuda laut pigmi ini adalah penantian yang agak lama dan mereka tidak akan melepaskan peluang untuk mencarinya.

Menginap di Resort Selam Skuba Seaventures, sebuah pelantar minyak lama yang diubah suai dan diletakkan berdekatan Pulau Mabul bakal menjadikan impian mereka menjadi kenyataan.

Ini berikutan, dasar laut pelantar minyak lama Seaventures ini merupakan antara destinasi pilihan kepada penyelam skuba yang berada di Pulau Mabul atau ke Pulau Sipadan.

Di situ pelbagai spesies mikro boleh dijumpai dan merupakan kawasan habitat kuda laut pigmi yang sering berada di kipas laut *Gorgonian*.

Kipas laut *Gorgonian* ini pula bukan sebarang spesies dan kuda laut pigmi hanya menjadikan spesies daripada *Muricella* untuk menjadi kawasan ia bergantung.

Berada pada kedalaman melebihi 16 meter, kedua-dua rakan ini meneruskan niat mereka untuk mencari spe-

sies kerdil itu pada lewat petang walaupun rakan-rakan lain membantah.

Ini berikutan, mereka hanya ada beberapa minit sebelum matahari berlabuh di ufuk barat dan ini akan menyebabkan mereka mencari-cari lokasi untuk ke permukaan.

Lebih-lebih lagi, arus di kawasan itu agak kuat dan boleh menyebabkan mereka tersasar dari kawasan yang sepatutnya mereka timbul.

Pencarian diteruskan, dan dalam beberapa ketika menurut Douglas, mereka berjaya menjumpai habitat kuda laut pigmi itu.

Maka bermulalah aksi penggambaran sehingga bekalan udara mereka hampir habis dan Dr. George mengajak Douglas naik ke permukaan walaupun masih seronok.

Beberapa ketika naik ke permukaan menurut mereka yang gembira dengan penemuan sendiri itu, lokasi untuk timbul tidak dijumpai.

Ini berikutan Resort Seaventures mempunyai tali yang diikat bagi memberi petunjuk atau panduan penyelam untuk timbul.


Selepas seketika, mereka mengambil keputusan untuk timbul juga walaupun tidak menjumpai tali panduan berkenaan dan alangkah terkejutnya mereka selepas berada di permukaan, mereka berada jauh dari pelantar minyak lama itu.

Lebih membahayakan, mereka ketika itu berada di laluan bot dan waktu sudah mula suram dengan keadaan cahaya yang amat kurang.

Lebih menggelikan hati menurut Douglas, dia bersama-sama Dr. George terpaksa melaung-laung memanggil petugas resort walaupun ketika itu ombak agak kuat dan tidak membolehkan petugas itu mendengar laungan mereka.

Mereka bernasib baik ketika itu kerana sebuah bot melalui kawasan berkenaan dan terus mengambil mereka yang sudah terapung-apung selama satu jam.

Ketika mereka ingin menaiki platform ke pe-



PLATFOM yang menjadi iguan penyelam skuba di Resort Seaventures.

lantar minyak itu dari bot berkenaan, satu lagi perkara menggelikan hati menurut Dr. George berlaku kerana ketika dia melangkah, secara tiba-tiba bot beralih jauh sehingga menyebabkan dia jatuh semula ke dalam laut.

Menurutnya lagi, dia terkapai-kepai cuba memegang birai bot tetapi disebabkan pemberat masih berada di pinggangnya yang menyebabkan dia terus tenggelam.

"Saya terfikir untuk melepaskan pemberat berkenaan, tetapi memikirkan saya mampu terus untuk mengapungkan diri, saya lupakan hasrat berkenaan," katanya sambil mengimbau kembali detik itu yang menyebabkan Douglas ketawa terbahak-bahak di atas bot.

Apa pun, itulah yang dikatakan bahaya pada seekor kuda laut pigmi sebesar satu sentimeter.

Bukan disebabkan ia beracun, tetapi ia mampu menyebabkan seorang penyelam skuba 'membahayakan' diri sendiri untuk merakamkan fotonya.



DOUGLAS Yeap (kiri) dan Dr. G.C George meneruskan misi mencari kuda laut Pigmy yang hampir meragut nyawa kedua-dua mereka kerana terlalu leka. (Gambar kiri) Kedua-dua penyelam sedang memasuki air untuk meneruskan misi mereka.